

# Air Menurut Perspektif Syariah dan Keistimewaannya Sebagai Citra Mukjizat Rasulullah SAW

**BITARA**Volume 2, Issue 3, 2019: 042-058  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

Faiznur Fatin Ishak & Ilnor Azli Ibrahim<sup>1</sup>

## Abstrak

Keperluan dunia terhadap air melebihi keperluan kepada perkara lain. Ini kerana, air merupakan sumber kehidupan bagi setiap yang hidup dan bernyawa. Kemakmuran dunia dari sudut makanan dan pembangunan juga adalah berasaskan air. Lantaran itu aset dunia yang amat penting ini perlu dipelihara. Sains dan Islam mempunyai pandangan tersendiri terhadap air, malah air telah diangkat menjadi salah satu citra mukjizat Rasulullah s.a.w. Kajian ini akan melihat secara dekat perspektif sains dan Islam terhadap air dan merungkai rahsia pemilihan air sebagai citra mukjizat Rasulullah s.a.w. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan sepenuhnya dengan mengumpul data berkaitan air dari sumber primer dan sekunder kemudian dianalisis untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai perspektif sains dan syarak mengenai air. Analisis tafsir terhadap hadis-hadis mukjizat Rasulullah s.a.w yang berkaitan air juga turut dibuat untuk mendapatkan lojika air sebagai citra mukjizat. Kajian ini mendapat bahawa sains dan Islam mengambil berat terhadap air. Sains memberikan tumpuan kepada proses kejadian air secara tabii dan penjelasan saintifik manakala Islam menceritakan proses penciptaannya yang berkait dengan ketuhanan. Kajian ini juga mendapat bahawa kepentingan air dalam kehidupan adalah manifestasi pemilihannya sebagai salah satu citra mukjizat.

## Kata Kunci

Syariah; Air; Mukjizat; citra; Rasulullah

### Cite This Article:

Faiznur Fatin Ishak & Ilnor Azli Ibrahim. 2019. Air menurut perspektif syariah dan keistimewaannya sebagai citra mukjizat Rasulullah SAW. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 042-058.

## Pengenalan

Air merupakan antara unsur utama pembentukan alam semesta. Air juga merupakan keperluan tiap hidupan di muka bumi. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa aspek yang akan dibincangkan di dalam artikel ini. Aspek yang menjadi perbincangan ialah tentang apa itu air, kepentingan air menurut sains, kepentingan air menurut syariat Islam,

Apabila ketamadunan manusia berkembang, populasi dunia juga bertambah. Semua hidupan memerlukan air untuk meneruskan kelangsungan hidup. Namun, pencemaran air

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

Ilnor Azli Ibrahim, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: iabi@ukm.edu.my

akibat sikap tidak bertanggungjawab segelintir manusia di muka bumi. Oleh hal yang demikian, pemuliharaan sumber utama ini amat penting. Maka, bahagian kedua ini akan membincangkan tentang pemuliharaan air menurut syariat Islam. Antara aspek yang menjadi topik perbincangan ialah definisi pemuliharaan, pencemaran air di Malaysia, badan-badan antarabangsa dan kebangsaan yang terlibat dalam menangani masalah pencemaran dan terlibat dalam usaha pemuliharaan sumber air serta undang-undang alam sekitar yang memfokuskan tentang masalah pencemaran dan pemuliharaan air.

## Kepentingan Air dalam Kehidupan

Manusia pertama yang menjakkan kaki di bulan; Neil Armstrong terkejut apabila melihat bumi ini berwarna kebiruan daripada pandangan atas. Warna kebiruan ini merupakan unsur alam yang dikenali sebagai air (Paul L. Younger 2012). Perkara ini membuktikan bahawa air mendominasi bumi itu sendiri. Sebanyak 71% daripada permukaan bumi diliputi oleh air. Daripada jumlah keseluruhan air ini, 97% daripadanya berada di lautan dan merupakan air masin, 1.7% pula merupakan air bawah tanah, 1.7% di dalam bentuk glasier dan 0.001% lagi berada di udara berbentuk wap, awan dan hujan. Daripada jumlah keseluruhan ini, hanya 0.5% sahaja sumber yang mudah di akses untuk kegunaan manusia (Emil T. Chanlett 1979).

Selain daripada bumi yang diliputi air, tubuh badan manusia juga sebahagian besarnya mengandungi air. Tiga per empat daripada berat badan manusia ialah air. Manusia boleh bertahan lebih daripada seminggu tanpa air tetapi boleh mati seandainya tidak mendapat bekalan air lebih dari tiga hari (Paul L. Younger 2012). Oleh hal yang demikian, air sangat penting dalam kehidupan seharian. Sama ada daripada sudut sains maupun syariat Islam.

## Air Menurut Perspektif Sains

Pengertian air dibincangkan secara meluas dalam pelbagai disiplin ilmu, daripada fizikal hingga kepada perspektif norma. Hal yang demikian menjadikan air amat sukar untuk didefinisikan secara tepat.

Pendefinisan melalui perspektif fizikal tentang air kebanyakannya merujuk kepada kitaran hidrologi serta jenis-jenis air seperti air biru, air hijau dan air kelabu (Eran Feitelson 2012). Air biru “*blue water*” ialah semua air yang berbentuk cecair seperti hujan dan air larian permukaan seperti air di dalam sungai, empangan dan tasik, manakala air hijau “*green water*” pula ialah lembapan yang berada di dalam tanah (M. Falkenmark & J. Rockstrom 2006). Terdapat satu jenis air lagi iaitu air kelabu “*greywater*”. Air kelabu ialah air sisa daripada isi rumah seperti air daripada basuhan pakaian dan pinggan mangkuk, air daripada sisa mandian di pancuran, tab mandi dan sinki. Walaubagaimanapun, air tandas tidak termasuk dalam kategori ini. Hal ini kerana air yang telah bersentuh dengan najis tergolong dalam air hitam ataupun “*blackwater*”. Kedua jenis air ini berbeza kerana air basuhan selamat digunakan semula tanpa dirawat manakala air hitam pula mestilah di rawat terlebih dahulu di loji rawatan air kumbahan (Anon 2017).

Air merupakan cecair yang tidak berasa, tidak berwarna, dengan formula kimia iaitu H<sup>2</sup>O (Medecine.Net). Cecair ini terhasil daripada hujan, sungai dan lautan seterusnya menjadi bahagian utama dalam tubuh organisma termasuk manusia. Air membentuk lebih kurang 75% daripada berat badan manusia. Tanpa air yang cukup, kehidupan manusia akan menjadi susah dan lebih dahsyat akan menyebabkan kematian (Ang Kean Hwa 2015). Walaubagaimanapun, air boleh didefinisikan berdasarkan komponen-komponen yang menjadi asas pembentukannya. H<sup>2</sup>O adalah simbol kimia bagi air yang mudah dikenalpasti oleh kebanyakan individu. H mewakili simbol kimia untuk elemen hidrogen manakala O merupakan simbol kepada oksigen. Maka, setiap molekul air terdiri daripada dua atom hidrogen dan satu atom oksigen lalu menghasilkan H<sup>2</sup>O (Paul L. Younger 2012).

Air juga merupakan sebatian yang boleh berubah daripada satu jirim kepada jirim yang lain. Air wujud dalam tiga keadaan iaitu cecair, gas dan pepejal. Air akan berada dalam keadaan cecair apabila suhu normal. Dalam keadaan itu, cecair air tulen seberat 1 kilogram (kg) per liter dan ketumpatannya kira-kira 1 gram (gm) setiap satu cm<sup>3</sup>. Kebiasaannya, air juga mempunyai tegangan permukaan (*surface tension*). Ini membawa maksud bahawa setiap titik air wujud adalah berbentuk bulat. Hal ini kerana molekul-molekul air dipegang kuat oleh ikatan hidrogen. Selain itu, terdapat juga beberapa mineral, garam dan gula serta batuan yang boleh terlarut dalam air. Oleh hal yang demikian, larutan air sangat berguna kepada manusia (Abu Hassan Ali 2005).

Air yang berbentuk gas ialah wap air. Wap air akan terhasil apabila air yang mendidih pada suhu 100°C menyerap haba sebelum berubah menjadi stim. Haba yang terserap ini dikenali sebagai haba pendam (*latent heat*). Haba pendam ini digunakan sebagai satu bentuk tenaga dan pernah digunakan ketika zaman dahulu yang menggunakan kayu api dan arang sebagai bahan bakar. Wap air juga terletak di dalam atmosfera. Atmosfera merupakan udara yang menyelimuti bumi kita dengan beberapa jenis gas. Berat kawasan yang berudara ini kira-kira 5.5 juta billion tan. Dua gas utama yang terdapat di atmosfera ialah gas nitrogen dan oksigen. Atmosfera juga terdiri daripada debu, dan wap air. Wap air yang terletak di dalam atmosfera mempunyai kesan yang besar terhadap cuaca bumi. Haba yang terpendam dibebaskan lalu terjadilah hujan atau salji (Abu Hassan Ali 2005).

Selain cecair dan gas, air juga boleh berubah kepada bentuk pepejal. Air yang berbentuk pepejal dikenali sebagai ais. Apabila air berubah menjadi ais, strukturnya akan berkembang. Apabila perkara ini terjadi, ais menjadi kurang tumpat. Oleh hal yang demikian, ais terapung di permukaan air terutama ketika musim sejuk. Selain itu, lebih daripada tiga suku air tawar di dunia ini terperangkap di dalam ketulan ais di kawasan Artik dan Antartik. Sebenarnya, ais yang terapung apung di kawasan Artik dan Antartik ini boleh dipindahkan ke kawasan yang memerlukan air tawar seperti di kawasan padang pasir ataupun negara yang mengalami krisis air bersih. Namun begitu, teknologi yang canggih sangat diperlukan dalam menjayakan usaha ini (Abu Hassan Ali 2005).

Kesimpulannya, dapat kita fahami disini, air merupakan cecair yang tidak berasa dan tidak berwarna serta diwakili oleh simbol kimia H<sup>2</sup>O. Sumber utama air ialah hujan, sungai dan lautan. Air juga merupakan sebatian yang mempunyai tiga keadaan iaitu cecair, pepejal dan gas. Air juga merupakan elemen penting dalam kebelangsungan hidupan di muka bumi ini.

## Kepentingan Air Menurut Perspektif Syarak

Setiap kewujudan sesuatu perkara di atas muka bumi ini sudah tentulah mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Begitu juga dengan air. Islam memandang bahawasanya air mempunyai kepentingan yang tertentu dalam kehidupan. Apabila menyebut tentang kepentingan air menurut Islam, sudah tentulah sudut pandangan syariah akan diambil kira. Hal ini kerana syariah bersifat syumul merangkumi akidah, ibadat, akhlak dan muamalah. Baik dari segi teori maupun aplikasi. Dasar dan asas syariah adalah kemaslahatan kepada manusia di dunia dan akhirat (Al-Qardhawi 1991). Menurut al Imam al-Syatibi, maslahah merupakan satu manfaat ataupun apa-apa sahaja yang diperlukan untuk menyempurnakan kehidupan manusia dari segi rohani maupun jasmani agar manusia mampu menikmati kenikmatan hidup di dunia maupun di akhirat (Hamka Haq 2007). Apabila disebut tentang syariah dan maslahah, sudah tentu penilaian daripada neraca *maqasid shari'ah* akan diambil kira. *Maqasid shar'iah* ialah satu penjelasan kepada matlamat dan tujuan disebalik tiap hukum hakam selain bertujuan untuk mencapai kebaikan dalam syariah. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kepentingan air menurut syariah dapat dijelaskan melalui *maqasid shari'ah* sekaligus mencapai maksud utama teori *maqasid shari'ah* itu sendiri iaitu tujuan dan prinsip undang-undang Islam yang wujud demi kepentingan manusia (Jasser Auda 2014).

Air disebut *al ma'* (الماء) di dalam Bahasa Arab. Allah mengulang kalimah ini sebanyak 63 kali di dalam al-Quran Muhammad Fu'ad 'Abdul Baqi 2007. Allah Taala telah berfirman di dalam Surah Hud ayat 7:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرَشُهُ عَلَى الْمَاءِ

Maksudnya: Dan Dialah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa, sedang ArasyNya, berada di atas air. Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian al-Quran, edisi keenam, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1988). [Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

Menurut ulama tafsir, ayat ini menyatakan bahawa air merupakan antara makhluk yang terawal diciptakan oleh Allah. Perkara ini terbukti apabila Allah meletakkan arasyNya di atas air (Ibn Kathir 2008); Sayyid Qutb 2000). Maka, melalui penafsiran ini dapat dapat disimpulkan bahawa air sudah wujud sebelum penciptaan makhluk yang lain termasuklah manusia, langit dan bumi (Jasser Auda 2014; Salah 'Abdul Fattah Al-Khalidi 2017; Al Shatibi 2001).

## Air dan Konsep Pemeliharaan Agama (*Hifz al-Din*)

Pemeliharaan agama (*hifz al-din*) merupakan tingkat tertinggi pada peringkat *al-dharuriyyat*. Hal ini kerana peringkat *al-dharuriyyat* merangkumi aspek pengiktirafan tentang keesaan Allah dan keyakinan dengan hari kiamat (*ahwal al-ghaibiyat*) (Rosli bin Mokhtar & Mohd Fikri Che

Hussain 2007). Selain itu, pemeliharaan agama juga mengandungi tiga aspek utama islam, iman dan ihsan (Abu Qasim Muhammad Abu Shamah 2009) dan air menjadi wasilah dalam mencapai ketiga aspek tersebut. Asas bagi teori *hifz al-din* ini dapat dicerap melalui ayat-ayat al-Qur'an yang terlalu banyak membicarakan tentang agama. *Hifz al-din* merupakan salah satu *dharuriyyat* yang lima, yang perlu dijaga oleh setiap orang yang mengaku sebagai Islam dan mukmin. Suruhan untuk mentauhidkan Allah s.w.t itu sendiri sebagai pencipta amat jelas di dalam al-Quran.

## Air Sebagai Wasilah Pengukuhan Akidah

Setiap Muslim seharusnya tahu bahawa kewujudan *maqasid shari'ah* banyak menyumbang kepada pemantapan akidah, mendalami maksudnya dan beriltizam dengan segala hukum-hakam dalam Islam yang menjamin kebaikan buat kehidupan manusia. Hal ini kerana, tujuan utama penciptaan manusia ialah mentauhidkan Allah. Tauhid dicapai melalui jalan ibadat kepada Allah. Maka, wajib ke atas hamba untuk mengenali dan beriman kepada Allah. Iman ialah percaya pada Allah, mengucap syahadah dan beramal dengan perbuatan (Abu 'Ubaid al-Qasim bin Salam bin Abdullah al-Harwi al-Baghdaadi 2000).

Pendefiniasian iman dan akidah sebenarnya sama kerana kedua-dua istilah ini membawa maksud membenarkan dan meyakini sesuatu (Sayyid Sabiq 2000). Maka, dalam proses mentauhidkan Allah, air menjadi antara wasilah utama dalam mencapai maksud pengesaan Allah. Hal ini kerana, antara jalan untuk mengenal Allah melalui akal yang waras ialah merenung ciptaan Allah dan mengenali nama serta sifat-sifat Allah (Sayyid Sabiq 2000). Oleh hal yang demikian, air sentiasa menjadikan manusia berfikir melalui potongan-potongan ayat al-Quran yang membincangkan tentang kejadian, manfaat dan hubung kait diantara air dan manusia. Firman Allah Taala di dalam surah Al-Baqarah ayat 21-22:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقُمُ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ. الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرْشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً  
وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الْتَّمَرُّدِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا إِلَهًا أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwah. Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkannya air hujan dari langit, lalu dikeluarkannya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).

Ayat di atas menjelaskan tentang sifat Allah iaitu Yang Maha Esa, bahawa Dia lah yang mengurniakan segala nikmat buat hambaNya. Menjadikan manusia dari tiada kepada ada dan melimpahkan nikmat zahir dan batin kepada mereka. Allah menjadikan bumi sebagai hamparan buat manusia untuk tinggal diatasnya, dikukuhkan lagi dengan kewujudan gunung ganang yang menjadi pasak bumi dan langit sebagai atap (Ibn Kathir 2000). Langit mempunyai hubungkait

yang amat rapat dengan manusia. Langit menjadi perumah kepada sumber cahaya dan haba (daripada matahari yang terletak di langit), daya tarikan bintang-bintang yang indah dan akhirnya menjadi panduan penting buat manusia. Seperti firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 164:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِذِ الْلَّيلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَخْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفُ الرِّيحِ وَالسَّحَابَ الْمُسَخَّرَ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا يَلِيقُهُمْ يَعْقُلُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagi jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Ayat diatas menerangkan bahawa Allah menurunkan air hujan dari langit buat manusia, menyuburkan tanah yang gersang lalu menghasilkan buah-buahan dan tanaman yang menjadi sumber rezeki buat manusia dan makhluk yang tinggal di atas muka bumi. Selain buahan dan tanaman, sungai-sungai dan lautan yang terbentuk hasil daripada titisan hujan juga merupakan rezeki dan nikmat buat sekalian makhluk. Hal ini kerana kehidupan tercetus dan berterusan bergantung kepada sumber air (Ibn Kathir 2000).

Allah menciptakan segala kemudahan buat makhluk tinggal diatasnya. Sekiranya suatu hari nanti Allah menarik nikmat-nikmat tersebut, sudah tentulah manusia akan mendapat kesukaran. Seruan untuk menyembah Allah ini mempunyai matlamatnya yang tersendiri iaitu supaya menjadi manusia yang bertaqwa selain menunaikan hak Rububiyyah Tuhan Yang Mencipta, Yang Mengurniakan Rezeki, dan Tuhan Yang Satu. Berdasarkan firman ini, dapat kita lihat dengan jelas bahawa Allah Yang Menciptakan, Yang Memberi Rezeki, Yang Memiliki bumi dan seluruh isinya dan hanya Allah yang layak disembah dan tiada tandingan bagiNya. Firman Allah Taala di dalam surah Ibrahim ayat 32-34:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الْأَنْتَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارِ . وَسَخَّرَ لَكُمُ الْسَّمَسَ وَالْقَمَرَ دَائِرَيْنِ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْلَّيلَ وَالنَّهَارَ . وَءَانَّكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعْوُذُوا نِعْمَتُ اللَّهِ لَا تُخْصُّهُمَا إِنَّ الْإِنْسَنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ

Maksudnya: Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang

memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu. Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat TuhanYa.

Ayat diatas memberi kefahaman sanya Allah tidak membicarakan tentang persoalan *Uluhiyyah* dan *'Ubudiyyah* secara perdebatan mental mahupun perbahasan ilmu ketuhanan, tetapi didatangkan gambaran-gambaran tentang kejadian dan pemandangan-pemandangan yang membuatkan manusia berfikir selari dengan akal yang waras mereka. Pemandangan disini membawa maksud pemandangan nikmat-nikmat yang Allah telah kurniakan kepada hambaNya yang berada di bumi. Gambaran langit disempurnakan dengan gambaran hujan, lautan, matahari dan bulan. Melalui hujan didatangkan tanah yang subur dan tumbuhan serta buah-buahan yang terhasil daripadanya. Hujan yang turun membentuk aliran aliran kecil sungai yang membawa pelbagai rezeki dan akhirnya terbentuk lautan. Lautan digambarkan dengan kapal-kapal yang berlayar diatasnya dan kadangkala menggunakan petunjuk bintang sebagai mata arah dan angin bertindak sebagai pembantu dalam pelayaran. Matahari dan bulan penentu waktu siang dan malam. Sekiranya Allah menjadikan dunia ini hanya siang atau malam sahaja, sudah tentulah memudaratkan manusia. Segala lukisan dan gambaran ini pula merupakan mukjizat al-Quran dan seluruh gambaran di dalam al-Quran ini seiring dengan alam yang kita duduki ini (Sayyid Qutb 2000).

Allah juga mengurniakan rezeki buat hambaNya bukan sahaja melalui duit dan harta tetapi rezeki ini juga termasuklah nikmat kehidupan, udara, makan dan minum, kesihatan dan pelbagai lagi. Allah memberi manusia minum dan mengairi melalui air-air hujan yang berubah menjadi sungai, memberi kemudahan untuk bergerak dan mengangkut barang dengan menaiki bahtera di lautan dan memberi makan melalui buah-buahan dan tanaman yang hidup. Waktu siang (matahari) menjadi waktu bekerja manakala waktu malam (bulan) menjadi masa untuk berehat. Maka, hanya Allah yang berhak disembah. Namun, manusia menzalimi diri mereka dengan sering kufur dengan segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah dan tidak muh menyembah Allah sebaliknya menyembah berhala-berhala yang tidak mampu memberikan manfaat dan mudarat buat mereka (Al-Thobari 2009; Ibn Kathir 2003). Firman Allah Taala di dalam surah Toha ayat 53-54:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلاً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَلَحَرَ جَنَّا بَةً أَرْوَجا مِنْ نَبَاتٍ شَتَّىٰ. كُلُواٰ  
وَأَرْعُوا أَنْعَمَكُمْ إِنَّ فِي ذٰلِكَ لَا يَنْتَلِقُ لِأَفْلَى اللَّهُمَّ.

Maksudnya: (Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu;

sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran.

Ahli tafsir telah mentakwilkan ayat diatas bahawa Allah menciptakan bumi sesuai untuk penghidupan manusia. Begitu juga dengan penciptaan manusia, sesuai untuk tinggal diatas bumi. Begitulah kekuasaan Allah dan kemurahannya. Membuktikan tanda kecintaan terhadap hambaNya. Kehebatan air, alam semula jadi, kejadian siang dan malam semuanya berbalik kepada kekuasaan dan kehebatan Allah. Maka, bagi orang berakal waras, tidak ada yang lebih layak disembah kecuali Allah Yang Esa dan tidak ada Rab selain Dia (Qutb 2000).

## Air Sebagai Wasilah Mukjizat

Mukjizat daripada segi bahasa berasal daripada perkataan “*ajzu*” (عجز) yang bererti lemah (Al-Ma’any 2019). Manakala menurut istilah pula, mukjizat membawa pengertian perkara luar biasa yang boleh diperlihatkan oleh Allah s.w.t kepada nabi ketika dicabar oleh golongan yang menentang mereka dalam bentuk yang tidak dapat mereka tandingi. Ini membawa maksud bahawa mukjizat merupakan kelebihan di luar akal manusia yang tidak dimiliki oleh siapapun kecuali para nabi dengan kurniaan Allah s.w.t (Abu Ahmad Yasin 2009; Mutawalli Sya’rawi 2003; Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki 2012; Syeikh Ibrahim Jalhum & ‘Abdul Sallam Hammad 2009). Allah mengurniakan mukjizat kepada utusanNya untuk menguatkan seruan para nabi kepada umat masing-masing terutama kepada yang masih tidak beriman, menangkis hujah-hujah orang kafir dan menguatkan kepercayaan orang-orang yang telah mengimani Allah dan Rasul (Nursi 1994; Johari Yaman 2011).

Antara nabi yang dikurniakan mukjizat yang berkaitan dengan air ialah Nabi Musa a.s. Nabi Musa a.s telah memukul sebuah batu lalu terpancarlah dua belas mata air daripada batu tersebut. Perkara ini didasari dengan firman Allah Taala di dalam surah Al-Baqarah ayat 60:

وَإِذْ أَسْتَسَقَ مُوسَى لِقَوْمَهُ فَلَمَّا أَضَرَبَ بِعِصْنَاكَ الْحَجَرَ فَانْخَرَطَ مِنْهُ أَثْنَا عَشَرَةَ عَيْنًا قَدْ عِلِمَ كُلُّ أَنَّاسٍ مَّتَّسِرِبٌ  
كُلُّهُمْ وَأَشَرَّبُوا مِنْ رَّزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْنُوْفُ فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: “Pukulah batu itu dengan tongkatmu”, (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing. (Dan Kami berfirman): “Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi”.

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami bahawa Nabi Musa a.s telah memohon kepada Allah agar kaumnya dikurniakan air. Hal ini kerana ketika itu kehidupan Bani Israil berlangsung di padang pasir. Lalu Allah mengurniakan air melalui batu yang dipukul oleh tongkat Nabi Musa a.s. Namun, nikmat kurniaan Allah itu tidak dihargai oleh kaum Nabi Musa a.s bahkan mereka tetap merdehakai baginda a.s dan melakukan kerosakan di bumi walaupun Allah Taala

telah mengeluarkan mereka daripada kesusahan (akibat kehausan) (Ibn Kathir 2005; Qutb 2000). Allah Taala berfirman di dalam surah Al-'Araf ayat 160:

وَقَطَعْنَاهُمْ أَنَّنَا عَشَرَةَ أَسْبَاطًا أَمْمًا وَأَرْجَيْنَا إِلَى مُوسَىٰ إِذَا سَتَّقْنَاهُ قَوْمٌ أَنْ أَضْرِبَ بِعَصَنَكَ الْحَجَرَ فَانْبَجَسَتْ  
مِنْهُ أَنَّنَا عَشَرَةَ عَيْنًا قَدْ عِلِمَ كُلُّ اُنَاسٍ مَّشَرِبَهُمْ وَظَلَّنَا عَلَيْهِمُ الْغَمَمُ وَأَنْزَلَنَا عَلَيْهِمُ الْمَنَّ وَالسَّلَوَىٰ كُلُّوْنَ مِنْ طَيْبَتِ  
مَا رَزَقْنَاهُمْ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكُنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَطْلُونَ

Maksudnya: Dan kami membahagikan mereka (Bani Israil) menjadi dua belas suku, sebagai golongan-golongan besar, dan Kami wahyukan kepada Nabi Musa, ketika kaumnya meminta air kepadanya: "Pukulah batu itu dengan tongkatmu." Maka terpancarlah daripadanya dua belas mata air. Tiap-tiap golongan (di antara mereka) mengetahui tempat masing-masing. Dan Kami naungi mereka dengan awan, dan Kami turunkan kepada mereka "Mann" dan "Salwa". (Lalu Kami berfirman): "Makanlah dari baik-baik yang kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (dengan kekufuran mereka), tetapi mereka adalah menganiaya diri mereka sendiri.

Menurut ahli tafsir, ayat ini merupakan penerangan bagaimana Allah Taala telah menghidupkan semula Bani Israil selepas mendengar rayuan Nabi Musa a.s. Allah juga terus melindungi mereka dan mengurniakan mereka keturunan dan suku kaum (berdasarkan pembahagian dua belas mata air). Allah juga memberi mereka nikmat perlindungan daripada panas bahang padang pasir dengan mengurniakan mereka awan yang besar dan menurunkan makanan terbaik bagi mereka iaitu *manna* (sejenis madu) dan *salwa* (sejenis puyuh) sebagai jaminan makanan mereka setelah mengurniakan mereka air. Namun, tabiat mereka tetap degil dan tidak mahu menerima hidayah Allah bahkan mereka menyeleweng dari jalanNya yang lurus (al-Tabari 2009; Qutb 2000).

Selain Nabi Musa a.s, Rasulullah juga merupakan antara nabi yang dikurniakan mukjizat yang berkaitan dengan air. Antara mukjizat tersebut ialah air menjadi banyak dengan hanya diusap mulut bejana tадahan air dan air keluar melalui celah jari jemari baginda. Perkara ini telah direkodkan di dalam Sahih al-Bukhari seperti yang berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ، حَدَّثَنَا سَلْمُ بْنُ رَرِيرٍ، سَمِعْتُ أَبَا رَجَاءً، قَالَ: حَدَّثَنَا عَمْرَانَ بْنُ حُصَيْنٍ، أَنَّهُمْ كَانُوا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَسِيرٍ، فَأَدْلَجُوا لَلْيَتَمَمْ، حَتَّىٰ إِذَا كَانَ وَجْهُ الصُّبْحِ عَرَسُوا، فَغَلَبَتِهِمْ أَعْيُنُهُمْ حَتَّىٰ إِرْتَعَنَتِ  
الشَّمْسُ، فَكَانَ أَوَّلَ مَنْ اسْتَيقَظَ مِنْ مَنَامِهِ أَبُو بَكْرٍ، وَكَانَ لَا يُوقَطُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ مَنَامِهِ حَتَّىٰ  
يَسْتَيقِظَ، فَاسْتَيقَظَ عُمَرُ، فَقَعَدَ أَبُو بَكْرٍ عِنْدَ رَأْسِهِ، فَجَعَلَ يُكَبِّرُ وَيَرْفَعُ صَوْتَهُ حَتَّىٰ اسْتَيقَظَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ، فَنَزَلَ وَصَلَّى بِنَا الْعَدَاءَ، فَأَعْتَرَلَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ لَمْ يُصْلِلْ مَعَنَاهُ، فَلَمَّا أُنْصَرَفَ قَالَ: «يَا فَلَانُ، مَا يَمْنَعُكَ  
أَنْ تُصَلِّيَ مَعَنَا» قَالَ: أَصَابَنِي جَنَابَةُ، فَأَمَرَهُ أَنْ يَتَبَيَّمْ بِالصَّعِيدِ، ثُمَّ صَلَّى، وَجَعَلَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ فِي رَكُوبٍ بَيْنَ يَدَيْهِ، وَقَدْ عَطَشَنَا شَدِيدًا فَبَيْنَمَا تَحْنُنْتُ سَيِّرًا، إِذَا تَحْنُنْتُ بِإِمْرَأَةٍ سَادِلَةٍ رَجُلَيْهَا بَيْنَ  
مَرَادَتِنِي، فَقُلْنَا لَهَا: أَيْنَ الْمَاءُ؟ قَالَتْ: إِنَّهُ لَا مَاءَ، فَقُلْنَا: كَمْ بَيْنَ أَهْلِكَ وَبَيْنَ الْمَاءِ؟ قَالَتْ: يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ، فَقُلْنَا: انْطَلِقِي  
إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَتْ: وَمَا رَسُولُ اللَّهِ؟ فَلَمْ نُمْلِكْهَا مِنْ أَمْرِهِ حَتَّىٰ اسْتَفْلَنَا بِهَا النَّبِيِّ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَحَدَّثَنَا بِمِثْلِ الْذِي حَدَّثَنَا، غَيْرَ أَنَّهَا حَدَّثَنَا أَنَّهَا مُؤْمِنَةٌ، فَأَمَرَ بِمَرْادَتِنِي، فَسَخَّنَ فِي الْعَرْلَوْيِنِ،  
فَشَرَبْنَا عَطَشًا أَرْبَعِينَ رَجُلًا حَتَّىٰ رَوَيْنَا، فَمَلَأْنَا كُلَّ قِرْبَةٍ مَعْنًا وَإِدَاؤِهِ، غَيْرَ أَنَّهُ لَمْ تَسْقُ بَعِيرًا، وَهِيَ تَكَادُ تَنْضَدُ

وَمِنَ الْمُلْءُ، ثُمَّ قَالَ: «هَأُنُوا مَا عِنْدُكُمْ» فَجَمِعَ لَهَا مِنَ الْكِسْرِ وَالثَّمَرِ، حَتَّىٰ أَتَتْ أَهْلَهَا، قَالَتْ: أَقْبَلْتُ أَسْحَرَ النَّاسِ، أَوْ هُوَ نَبِيٌّ كَمَا زَعَمُوا، فَهَدَى اللَّهُ ذَلِكَ الصِّرْمَ بِتِلْكَ الْمَرْأَةِ، فَأَسْلَمَتْ وَأَسْلَمُوا.

Maksudnya: Abu Walid bercerita kepada kami, beliau menyatakan, Muslim bin Zaid bercerita kepada kami, beliau mengatakan bahawa beliau mendengar Abi Raja' mengatakan, 'Imran bin Husin menceritakan kepada kami, bahawa mereka pernah bersama Nabi s.a.w dalam satu perjalanan. Mereka berjalan sepanjang malam. Ketika hampir kepada waktu Subuh mereka pun berehat di suatu tempat. Disebabkan keletihan mereka tertidur sehingga matahari terik. Orang yang pertama bangun ialah Saidina Abu Bakar. Rasulullah s.a.w tidak dibangunkan daripada tidurnya sehingga baginda s.a.w terbangun (sendiri). Kemudian, Saidina Umar pula terjaga. Saidina Abu bakar duduk di sisi kepalanya dan bertakbir dengan suara yang keras sehingga Rasulullah s.a.w terjaga. Kemudian baginda s.a.w mendirikan solat Subuh bersama mereka. Ketika itu, terdapat seorang lelaki tidak ikut solat bersama-sama mereka. Selepas selesai solat, Rasulullah s.a.w pun bertanya "wahai polan, apakah yang menghalangmu daripada solat bersama kami?" Orang itu pun berkata "aku dalam keadaan berhadas besar". Maka Nabi s.a.w memerintahkannya untuk bertayammum dengan menggunakan debu kemudian solat. Rasulullah memposisikan beliau di bahagian hadapan rombongan. Ketika itu mereka berasa sangat haus. Dalam perjalanan, mereka bertemu dengan seorang wanita yang menjulurkan kakinya diantara dua bejana. Mereka bertanya kepadanya "dimana ada air?" Dia menjawab "tidak ada air". Mereka bertanya lagi "berapa jauh jarak antara rumahmu dengan air?" Dia menjawab "perjalanan sehari semalam". Mereka berkata "mari kita bertemu Rasulullah". Dia berkata "siapakah Rasulullah itu?" Mereka tidak menceritakan apa-apa perihal Rasulullah s.a.w sehingga dia bertemu baginda. Wanita itu menceritakan kepada baginda s.a.w seperti yang diceritakannya kepada kami. Selain itu dia mengatakan kepada baginda s.a.w bahawa dia memiliki anak yatim. Nabi s.a.w meminta dibawakan kedua bejana milik wanita itu lalu mengusap mulut kedua bejana itu. Lalu mereka yang berjumlah seramai 40 orang yang kehausan minum sehingga puas. Mereka juga memenuhi setiap bejana-bejana minuman yang mereka ada. Kemudian, baginda s.a.w bersabda "kumpulkanlah apa yang ada pada kalian". Maka dikumpulkan sisa-sisa makanan dan kurma untuk wanita itu. Lalu wanita itu bertemu keluarganya dan berkata "aku bertemu manusia penyihir yang paling mahir. Atau dia nabi seperti yang mereka katakan". Maka Allah memberi (hidayah) petunjuk kepada kaum itu dengan sebab wanita tersebut. Dia masuk Islam dan mereka pun masuk Islam (Al-Bukhari. *Sahih Al-Bukhari*. Kitab Al-Manaqib. Bab 'Alamat Al-Nubuwah fi Al-Islam. Nombor hadis 3571; Ibn Hajar Al-'Asqalani 2008a; Ibn Kathir 2014).

Hadis di atas menggambarkan bagaimana wanita yang tidak tahu tentang Rasulullah s.a.w memeluk Islam selepas melihat mukjizat Nabi s.a.w . Begitulah peranan air dalam menjadi wasilah kepada penyaksian keimanan kepada Allah dan utusanNya.

Selain itu, turut direkodkan juga beberapa hadis tentang air yang keluar melalui celahan jari baginda s.a.w:

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، حَدَّثَنَا أَبُو إِبْرَهِيمَ عَدَى، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: أَتَيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِإِنَاءِ، وَهُوَ بِالزُّورَاءِ، فَوَضَعَ يَدَهُ فِي الإِنَاءِ، «فَجَعَلَ الْمَاءُ يَنْتُجُ مِنْ بَيْنِ أَصَابِعِهِ، فَتَوَضَّأَ الْقَوْمُ» قَالَ قَتَادَةُ: قُلْتُ لِأَنَسِ: كَمْ كُنْتُمْ؟ قَالَ: ثَلَاثَ مائَةٍ، أَوْ رُهَاءَ ثَلَاثَ مائَةٍ

Maksudnya: Muhammad bin Bashar bercerita kepada kami, beliau menyatakan, Ibn Abi 'Udai bercerita kepada kami, daripada Sa'id, daripada Qatadah, daripada Anas beliau mengatakan: Rasulullah s.a.w diberikan air. baginda s.a.w berada di sebuah tempat bernama Zaurak; tempat yang berhampiran dengan pasar dan terkenal di Madinah (Ibn Hajar Al-'Asqalani 2008a) ketika itu. Baginda s.a.w meletakkan tangannya ke dalam bejana itu. Maka terpancarlah air daripada celah-celah jari baginda. Kemudian orang ramai berwuduk daripadanya. Qatadah mengatakan: Aku bertanya kepada Anas, "berapakah jumlah semua orang? "Kira-kira 300 orang atau sekitar 300 orang" (Al-Bukhari. Kitab Al-Manaqib. Bab 'Alamat Al-Nubuwah fi Al-Islam. Nombor hadis 3572; Ibn Hajar Al-'Asqalani 2008a; Ibn Kathir 2014).

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَالِكٍ طَلْحَةَ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّهُ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَحَانَتْ صَلَالَةُ الْعَصْرِ، فَالْمِسْنَ الْوَضُوءُ فَلَمْ يَجِدُهُ، فَلَمَّا رَأَيَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِوَضُوءِهِ، فَوَضَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ فِي ذَلِكَ الْإِنَاءِ، فَأَمَرَ النَّاسَ أَنْ يَتَوَضَّلُوا مِنْهُ، فَرَأَيْتُ الْمَاءَ يَنْتُجُ مِنْ تَحْتِ أَصَابِعِهِ، فَتَوَضَّأَ النَّاسُ حَتَّى تَوَضَّلُوا مِنْ عِدْدِ آخَرِهِمْ

Maksudnya: Abdullah bin Maslamah bercerita kepada kami daripada Malik, daripada Ishak bin Abdullah bin Abu Thalhah, daripada Anas bin Malik, beliau mengatakan, "Aku melihat Rasulullah s.a.w ketika hampir waktu solat Asar. Mereka mencari air, namun tidak berjumpa dengannya. Lalu, didatangkan Nabi dengan sebejana air untuk berwuduk. Rasulullah s.a.w meletakkan tangan baginda ke dalam bejana itu dan mengarahkan mereka berwuduk daripada air itu. Aku melihat air mengalir daripada celah-celah jari baginda sehingga mereka selesai berwuduk (Al-Bukhari. Kitab Al-Manaqib Bab 'Alamat Al-Nubuwah fi Al-Islam. Nombor hadis 3573; Ibn Hajar Al-'Asqalani 2008; Ibn kathir 2014).

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مُبَارَكٍ، حَدَّثَنَا حَرْمٌ، قَالَ: سَمِعْتُ الْحَسَنَ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَعْضِ مَخَارِجِهِ، وَمَعَهُ نَاسٌ مِنْ أَصْحَابِهِ، فَأَنْطَلَقُوا يَسِيرُونَ، فَحَضَرَتِ الصَّلَاةُ، فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً يَتَوَضَّلُونَ، فَأَنْطَلَقَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ، فَجَاءَ بِقَدْحٍ مِنْ مَاءِ يَسِيرٍ، فَأَحَدَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَوَضَّأَ، ثُمَّ مَدَّ أَصَابِعَهُ الْأَرْبَعَ عَلَى الدَّحْنِ ثُمَّ قَالَ: «فُومُوا فَتَوَضَّلُوا» فَتَوَضَّأَ الْقَوْمُ حَتَّى بَلَغُوا فِيمَا يُرِيدُونَ مِنَ الْوَضُوءِ، وَكَلُوا سَبْعِينَ أَوْ تَحْوِةً.

Maksudnya: Abdul Rahman bin Mubarok bercerita kepada kami, beliau mengatakan Hazm bercerita kepada kami, beliau mengatakan, "aku mendengar al-Hasan mengatakan, Anas bin Malik bercerita kepada kami, beliau mengatakan bahawa pada suatu hari, Rasulullah s.a.w keluar bersama beberapa orang sahabat.

Tiba dipertengahan jalan, waktu solat tiba dan mereka tidak menemui air untuk berwuduk. Seorang daripada mereka datang membawa sebejana air yang begitu sedikit. Lalu baginda s.a.w berwuduk dengan air itu. Kemudian baginda membentangkan keempat-empat jari baginda s.a.w di dalam bejana itu. Setelah itu beliau bersabda “Berdirilah kalian dan berwuduklah”. Akhirnya semua orang berwuduk hingga terpenuhi hajat mereka ingin berwuduk. Jumlah mereka ialah sekitar 70 orang atau sekitar jumlah itu (Al-Bukhari. Kitab Al-Manaqib Bab ‘Alamat Al-Nubuwah fi Al-Islam. Nombor hadis 3574; Ibn Hajar Al-’Asqalani 2008a; Ibn Kathir 2014).

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُنْبِرٍ، سَمِعَ بَيْزِيدَ، أَخْبَرَنَا حُنَيْدٌ، عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَقَامَ مِنْ كَانَ قَرِيبَ الدَّارِ مِنَ الْمَسْجِدِ يَتَوَضَّأُ، وَبَقَى قَوْمٌ، فَأَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمُخْضَبٍ مِنْ حِجَارَةٍ فِيهِ مَاءٌ، «فَوَضَعَ كَفَهُ، فَصَغَرَ الْمُخْضَبُ أَنْ يَبْسُطَ فِيهِ كَفَهُ، فَضَمَّ أَصَابِعَهُ فَوَضَعَهَا فِي الْمُخْضَبِ فَتَوَضَّأَ الْقَوْمُ كُلُّهُمْ جَمِيعًا» فَلَمْ: كَمْ كَانُوا؟ قَالَ: ثَمَائُونَ رَجُلًا.

Maksudnya: ‘Abdullah bin Munir menceritakan kepada kami, beliau mendengar daripada Yazid, daripada Humaid, daripada Anas bin Malik, beliau mengatakan: “waktu solat tiba. Mereka yang tinggal berhampiran dengan masjid pergi berwuduk. Hanya beberapa orang yang belum berwuduk. Kemudian, Nabi s.a.w mendatangi mereka dengan bejana air daripada batu dan terkandung air didalamnya. Lalu Rasulullah s.a.w meletakkan tapak tangannya tetapi bejana itu terlalu kecil dan tidak muat untuk Rasulullah s.a.w membentangkan jemari baginda s.a.w di dalam bekas itu. Lalu Rasulullah s.a.w merapatkan jemari baginda dan memasukkan jemari baginda ke dalam bejana. Kemudian orang ramai pun berwuduk daripada bekas itu”. Aku bertanya, “berapakah jumlah mereka?” Dia menjawab “80 orang” (Al-Bukhari. Kitab Al-Manaqib Bab ‘Alamat Al-Nubuwah fi Al-Islam. Nombor hadis 3575; Ibn Hajar Al-’Asqalani 2008a; Ibn Kathir 2014).

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُسْلِمٍ، حَدَّثَنَا حُصَيْنٌ، عَنْ سَالِمٍ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: عَطَشَ النَّاسُ يَوْمَ الْحُدَيْبِيَّةِ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ يَدَيْهِ رَكْوَةً فَتَوَضَّأَ، فَجَهَشَ النَّاسُ تَحْوَهُ، فَقَالَ: «مَا لَكُمْ؟» قَالُوا: لَيْسَ عِنْدَنَا مَاءٌ تَوَضَّأُوا وَلَا نَشَرِبُ إِلَّا مَا بَيْنَ يَدَيْكَ، فَوَضَعَ يَدَهُ فِي الرَّكْوَةِ، فَجَعَلَ الْمَاءَ يَتُوَرُ بَيْنَ أَصَابِعِهِ، كَمَيْلَ الْعُيُونِ، فَشَرَبَنَا وَتَوَضَّأْنَا فَلَمْ: كَمْ كُنَّنَا؟ قَالَ: لَوْ كُلَّا مَائَةً أَلْفِ لِكْفَانًا، كُلَّا خَمْسَ عَشْرَةً مَائَةً.

Maksudnya: Musa bin Ismail bercerita kepada kami, beliau mengatakan, ‘Abdul ‘Aziz bin Muslim bercerita kepada kami, beliau mengatakan, Husain bercerita kepada kami daripada Salim Ibn Abi al-Ja’d, daripada Jabir bin ‘Abdullah, beliau mengatakan: Pada Hari Hudaibiyah orang ramai kehausan. Nabi s.a.w berwuduk dengan air yang terdapat di dalam bejana kulit. Maka, orang-orang datang mengerumuni baginda s.a.w. Lalu Rasulullah s.a.w bertanya “Apa yang ada pada kamu semua?” mereka berkata “Kami tiada air untuk berwuduk mahupun minum. Kecuali apa yang ada padamu”. Maka baginda s.a.w meletakkan tangannya di dalam bejana itu. Maka, air terpancar jelas diantar jemari baginda s.a.w seperti mata

air. Kami minum dan kami berwuduk dengannya. Salim bertanya” berapakah jumlah kamu ketika itu?” Jabir mengatakan “Seandainya jumlah kami 100,000 orang pun pasti mencukupi. Jumlah kami ketika itu ialah 1500 orang (Al-Bukhari. Kitab Al-Manaqib Bab ‘Alamat Al-Nubuwah fi Al-Islam. Nombor hadis 3576; Kitab al-Maghazi Bab Ghazwah al-Hudaibiyah. Nombor hadis 4152 & 4153; Ibn Hajar Al-’Asqalani 2008a.; Ibn Hajar al-’Asqalani 2008b; Ibn Kathir 2014).

Berdasarkan lima hadis yang telah direkodkan mengenai mukjizat air yang keluar melalui celahan jari baginda s.a.w, para ulamak telah menyimpulkan bahawa mukjizat air keluar melalui celahan jari ini hanya berlaku pada Rasulullah s.a.w seorang sahaja dan merupakan mukjizat yang *qathi'* (pasti). Menurut al-Qurthubi, mukjizat ini terjadi pada Rasulullah s.a.w berulang kali, pada banyak tempat dan dihadapan ramai orang. Mukjizat ini juga merupakan antara mukjizat yang terhebat kerana air tersebut keluar melalui celahan jari tangan yang terbina dengan tulang, darah, daging dan saraf. Ada ulamak yang menyatakan bahawa mukjizat ini lebih hebat berbanding mukjizat yang terjadi pada Nabi Musa a.s. ketika air keluar melalui belahan batu yang terhasil daripada pukulan tongkat baginda a.s. Hal ini kerana keluarnya air daripada batu merupakan perkara biasa berbanding dengan air yang keluar melalui celahan jemari (Ibn Hajar al-’Asqalani 2008a ; Bediuzzaman Said Nursi 1994).

Selain daripada keluarnya air melalui celahan jari Nabi s.a.w, ludahan baginda s.a.w. ke dalam sumur kering turut menjadi salah satu mukjizat yang dikurniakan kepada Rasulullah s.a.w. Perkara ini telah direkodkan di dalam Sohih Bukhari seperti yang berikut:

حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ، عَنْ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كُلَّا يَوْمَ الْحُدَيْبِيَّةِ أَرْبَعَ عَشَرَةً مائَةً وَالْحُدَيْبِيَّةُ بِذِرْ، فَتَرَحَّدَاهَا، حَتَّى لَمْ تَنْزَرْ فِيهَا قَطْرَةً، فَجَلَسَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى شَفِيرِ الْبَرِّ «فَدَعَ بِمَا إِنْظَمَضَ وَمَجَّ فِي الْبَرِّ» فَمَكَثُوا غَيْرَ بَعِيدٍ ثُمَّ اسْتَقَيْنَا حَتَّى رَوَيْنَا، وَرَوَوْنَا، أَوْ صَدَرَتْ رَكَائِنُنَا ()

Maksudnya: Malik bin Ismail bercerita kepada kami, beliau mengatakan, Israel bercerita kepada kami, dari Abi Ishak, dari Al Barra' beliau mengatakan: “jumlah kami pada peristiwa Hudaibiyah ialah seramai 1400 orang. Dan Hudaibiyah ialah sumur. Kami menimbanya hingga tidak tertinggal walau satu titis pun. Maka Nabi s.a.w duduk di tepi sumur lalu minta dibawakan air. Beliau s.a.w berkumur-kumur lalu meludahnya ke sumur itu. Kemudian kami diam seketika. Kemudian kami pun mengambil air darinya hingga puas dan kami beri minum atau datang minum haiwan tunggangan kami (al-Bukhari 2002; al-Suyuthi t.th; Ibn Hajar al-’Asqalani 2008a; Ibn Hajar al-’Asqalani. 2008b)

Berdasarkan hadis diatas, dapat kita fahami bahawa air telaga yang telah kering berair semula selepas Rasulullah s.a.w meludah ke dalam telaga tersebut. Lalu, para sahabat mengambil air daripada telaga tersebut serta memberi minum kepada haiwan tunggangan mereka. Perkara ini memberi gambaran bahawa air yang muncul selepas diludahi Nabi s.a.w tersebut sangat banyak (Ibn Hajar al-’Asqalani 2008b).

## **Analisis Kelogikan dan Kewajaran Air sebagai Citra Mukjizat**

Nabi Allah Musa dikurniakan batu yang terbelah membentuk 12 bahagian buat kaumnya. Perkara ini telah tercatat di dalam al-Quran. Begitu juga dengan Rasulullah s.a.w. baginda s.a.w dikurniakan banyak mukjizat yang berkaitan dengan air. Sebenarnya, kesemua mukjizat air yang terjadi kerana terdapat keberkahan pada baginda s.a.w (Ibn Hajar al-'Asqalani 2008a). Perkara ini telah disaksikan oleh banyak manusia dan diriwayatkan oleh ramai perawi yang terdiri daripada sahabat Rasulullah s.a.w yang tidak diragui kebenaran mereka. Imam-imam besar hadis juga bersetuju bahawa hadis-hadis ini tidak dapat disangkal kebenarannya lagi. Berdasarkan hadis yang dinyatakan, penulis telah menganalisis beberapa kelogikan dan kewajaran mengapa air menjadi gambaran kepada mukjizat Nabi Musa a.s dan Rasulullah s.a.w.

### **Air Merupakan Simbol Kehidupan**

Perkara ini membawa maksud sekiranya tiada air, maka tidaklah wujud kehidupan di atas muka Bumi ini. Perkara ini selari dengan firman Allah Taala di dalam surah al-Anbiya, ayat 30 yang bermaksud: Dan kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup.

Berdasarkan firman ini, dapat kita fahami bahawa air merupakan sumber pertama dan utama kehidupan. Begitu juga Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w merupakan rahmat sekalian alam yang diutus Allah kepada manusia akhir zaman. baginda s.a.w merupakan pemimpin yang agung yang membawa kepada kebenaran dan kebaikan. Perkara ini juga selari dengan firman Allah di dalam surah al-Anbiya, ayat 107 yang bermaksud: Dan tidaklah kami mengutus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat buat sekalian alam. Maka, dapat disimpulkan bahawa, tanpa air, tiadalah penghidupan, tanpa Rasulullah s.a.w, tiadalah kebaikan dan kebenaran.

### **Faktor Geografi**

Setiap mukjizat yang terjadi bersesuaian mengikut keadaan setempat ketika berlakunya mukjizat tersebut. Begitu juga signifikannya air sebagai mukjizat kepada Nabi Musa a.s dan Nabi Muhammad s.a.w. Hal ini kerana kedua-dua lokasi pengutusan para nabi tersebut di kawasan yang gurun kering dan gersang. Nabi Musa a.s diutuskan pada penduduk Mesir manakala Rasulullah berada di Mekah dan Madinah. Apabila suasana kering dan panas, air menjadi perkara yang amat diperlukan oleh tiap anggota masyarakat. Maka, mukjizat air menjadi sangat relevan sekaligus bertepatan dengan keadaan dan keperluan masyarakat.

### **Bukti Bantuan daripada Allah**

Bantuan daripada Allah dalam pelbagai bentuk. Antaranya melalui bentuk air yang menjadi sumber minuman tentera Islam seperti yang diriwayatkan di dalam hadis. Para pejuang yang sudah keletihan memerlukan air untuk meneruskan perjuangan dan perjalanan. Selain itu, ia

juga menjadi bukti kepada bantuan Allah terhadap kaum muslimin yang hendak mengerjakan ibadah tetapi terhalang kerana tidak mempunyai air untuk berwuduk. Maka, dengan kemuliaan dan keagungan Rasulullah s.a.w, Allah telah mengurniakan air buat kaum muslimin berwuduk dan menyucikan diri. Maka, berdasarkan tiga logik yang dinyatakan, sudah tentulah air sangat wajar dan bertepatan menjadi citra mukjizat kepada para nabi.

## Kesimpulan

Air merupakan sumber penghidupan. Kita telah memahami takrif air menurut perspektif sains dan mengerti fungsi serta kegunaan air berdasarkan kacamata syarak. Air menjadi jalan kepada pengukuhan akidah umat Islam. Air juga menjadi senjata para nabi ketika mereka menyampaikan risalah mereka. Oleh hal yang demikian, Allah Taala telah menjadikan air sebagai citra mukjizat buat utusanNya. Mukjizat yang dikurniakan kepada para nabi merupakan bukti kekuasaan Allah ke atas hambaNya. Maka, mukjizat dinampakkan pada orang yang mengaku diri mereka merupakan utusan Allah. Kesemua mukjizat yang dikurniakan Allah kepada utusanNya ini bersesuaian mengikut keadaan sekeliling utusanNya dan didatangkan dalam pelbagai bentuk. Rasulullah s.a.w dikurniakan keseluruhan mukjizat daripada nabi terdahulu malahan lebih lengkap kerana baginda s.a.w merupakan utusan Allah yang terakhir. Air menjadi citra mukjizat sesuai dengan keadaan zaman baginda s.a.w seta kewujudan air sebagai mukjizat tidak menyalahi akal manusia yang terbatas ini.

Apabila ditelusuri segala riwayat dan sirah nabawi, dapat kita perhatikan bahawa setiap kali mukjizat ditunjukkan di hadapan orang yang masih belum beriman, maka, mereka terus mengimani Rasulullah. Manakala, para sahabat pula semakin meningkat keimanan dan keyakinan mereka terhadap agama Allah ini. Oleh hal yang demikian, mukjizat sebenarnya bukanlah sekadar kelebihan luar biasa untuk mendatangkan rasa gerun di dalam hati manusia yang melihatnya, tetapi mukjizat sebenarnya lebih bertujuan untuk membuktikan kebenaran risalah yang dibawa oleh para nabi utusan Allah. Sebenarnya, mukjizat bukanlah hanya tertakluk untuk generasi terdahulu, sebaliknya mukjizat Nabi Muhammad s.a.w khususnya menjadi wasilah untuk umat Islam mendekatkan diri kepada Allah serta menambahkan kecintaan kepada Allah.

## Rujukan

- ‘Abd al-Baqi, Muhammad Fu‘ad. 1428H/2007. *al-Mu’jam al-Mufehras Lialfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Abu ‘Ubayd, al-Qasim bin Salam bin ‘Abd Allah al-Harwi al-Baghdadi. 2000. *al-Iman wa Mu’amalah, wa Sunanuhu, wa Istikmaluh wa Darajatihi*. Bayrut: Maktabat li an-Nashar wa al-Tauzi’.
- Abu Ahmad Yasin. 2009. *Hebatnya Mukjizat & Karamah Insan Cemerlang yang Berpengaruh dalam Sejarah (dari Nabi Adam A.S hingga Ibnu Taimiyah)*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Abu Hasan Ali. 2005. *Ensiklopedia Pendidikan Sains dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Emedia Publication.

- Abu Shamah, Abu Qasim Muhammad. 2009. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah fi al-Hifaz 'ala al-Ma'*. *Majallah al-Buhuth wa al-Dirosat al-Islamiyyah bi Kulliyah Dar al-'Ulum bi Jami'ah al-Qaherah*.
- Ang, Kean Hwa. 2015. Kualiti sumber air di Malaysia: Satu analisis. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space* 11 (6): 98-108.
- Awda, Jasser. 2014. *Memahami Maqasid Syari'ah Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. Terj: Marwan Bukhari A. Hamid. Batu Caves: PTS Islamika.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu 'Abdullah. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Manaqib. Bab 'Alamat al-Nubuwah fi al-Islam. Beirut: Dar Ibn Kathir. Nombor hadis 3571.
- Chanlett, E. T. 1979. *Environmental Protection*. Julienne V. Brown. McGraw-Hill Series in Water Resources and Environmental Engineering 5. Ed. ke-2. New York: McGraw Hill Book Company.
- Falkenmark, M. & Rockstrom, J. 2006. The new blue and green water paradigm. Breaking new ground for water resources planning management. *Journal of Water Resources Planning and Management* 132(3): 129-132.
- Feitelson, E. 2012. What is water? A normative perspective. *Water Policy* 14: 52-64
- Hamka Haq. 2007. *Aspek Teologis Konsep Maslahah dalam kitab al-Muwafaqat*. Indonesia: Penerbitan Erlangga.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. 2008. *Fathul Baari Penjelasan Kitab Sahih al-Bukhari*. terj. Amiruddin. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Imad al-Din Isma'il bin 'Umar. 2000. *Tafsir Ibn Kathir*. Terj. Bahrun Abu Bakar. Bandung: Penerbit Sinar Baru Algensindo.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Imad al-Din Isma'il bin 'Umar. 2003. *Tafsir Ibnu Kathir*. Terj. M. Abdul Ghoffar E.M. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Imad al-Din Isma'il bin 'Umar. 2008. *Tafsir Ibn Kathir*. Terj: Abu Ahsan al-Atsari & Abu Ahsan Sirojuddin Hasan Bashri. Bogor: Pustaka Ibnu Katsir.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Imad al-Din Isma'il bin 'Umar. 2014. *Mukjizat Sahih Nabi Muhammad s.a.w.* terj. Mohd Abd Hadi bin Ishak. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Jalhum, Ibrahim & Hammad, 'Abd al-Sallam. 2009. *Mukjizat Rasulullah s.a.w.* terj. Muhammad Akhyar & Syahrin bin Jasah. Setapak: Pustaka al-Shafa.
- Johari Yaman. 2011. *Mukjizat Rasulullah s.a.w.* pnyt. Mohd Tarmizi bin Muhammad, Sabri @ Idris Yaman & Norsyafawati binti Kamaruzzaman. Rawang: Nadi Minda Resources.
- al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. 2017. *Oh Begitu Rupanya Kisah Nabi Adam 'Alaihissalam Cerita Sahih Dari Langit*. Terj: Azrul Azlan & A. Hadi 'Abd 'Aziz. Ampang: al-Khalidi Global Resources.
- al-Ma'ani. 2018. عجز. <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D8%B9%D8%AC%D8%B2/> [3 Disember 2018].
- Medicinenet. 2016. Medical defination of water. <https://www.medicinenet.com/script/main/art.asp?articlekey=39940> [27 April 2018].
- Nursi, Badi' al-Zaman Sa'id. 1994. *Mukjizat-Mukjizat Rasulullah s.a.w.* terj. Zanariah Yahaya. Setapak: Syarikat Nurulhas

- Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki. 2012. *40 Kisah Motivasi Mukjizat Rasulullah s.a.w.* terj. Mohammad Subki Abdul Rahman & Mohd Rifqi Myiddin. Shah Alam: PSN Publications Sdn Bhd.
- Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia. 2017. Apakah air basuhan. *Majalah PENTING Mac-April*: 6.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1991. *Bagaimana Memahami Syariat Islam*. Terj: Nabhani Idris. Jakarta: Islamuna Press.
- Qutb, Sayyid. 1420H/2000. *Tafsir Fi Zilalil Qur'an*. Terj: Yusoff Zaky Haji Yacob. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain. 2007. *Maqasid al-Syari'ah Hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sabiq, Sayyid. 2000. *al-'Aqa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fath lil I'lam al-'Arabi:.
- Sha'rawi, Mutawalli. 2003. *Mukjizat Rasulullah s.a.w.* terj. Agus Suyadi R., Abas Mansur. Bandung: Cv Pustaka Setia
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Gharnati. 2001. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman Abi Bakr. T.th. *Kifayah al-Talib al-Labib fi Khasa'is al-Habib al-Ma'ruf bi al-Khasa'is al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyah.
- al-Tabari, Abu Ja'afar Muhammad bin Jarir At-Thobari. 2009. *Tafsir At-Thobari*. terj. Misbah & Anshari Taslim. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Younger, P. L. 2012. *Water: All that matters*. London: Hodder & Stoughton.